

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HLU 411 - Teori dan Prinsip-Prinsip Teater

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. SAMA ADA

- (a) Bincangkan dengan terperinci konsep tragedy dan unsur-unsurnya yang dikemukakan oleh Aristotle dalam The Poetics. Bagi pendapat anda bolehkah trilogy Aeschylus, The Oresteia disifatkan sebagai suatu rangkaian tragedy yang baik jika dinilai mengikut kriteria Aristotle?

ATAU

- (b) Bayangkan anda adalah Aristotle. Anda berada di London pada 30hb April 1610 apabila anda berpeluang menyaksikan sebuah pementasan drama Othello karya William Shakespeare di Panggung Globe. Tuliskan sebuah ulasan yang kritikal mengenai drama tersebut dari segi skrip serta cara pementasan untuk diterbit di majallah The Renaissance Drama Review.

2. Drama Phaedra karya Jean Racine dan drama Dr Faustus karya Christopher Marlowe melambangkan dua aliran utama yang terdapat di zaman Renaissance, satu yang disifatkan sebagai neoclassic dan satu lagi yang diwarnai dengan apa yang dipanggil "semangat Renaissance". Bincangkan kenyataan ini berdasarkan kepada konsepsi, falsafah serta teori kesenian.

.../2

3. Romanticisme, sebagai suatu aliran kesenian yang mempunyai ciri-ciri moden yang kuat sehingga mempengaruhi beberapa aliran moden. Apakah anda faham tentang Romanticisme dan bagi pendapat anda, apakah ciri-ciri "moden" yang dapat dikesan di dalam Romanticisme? Anda diminta rujuk kepada skrip-skrip drama yang sesuai untuk menggambarkan jawapan anda.

BAHAGIAN B

4. Bincangkan dengan terperinci konsep-konsep teater yang dikemukakan oleh Antonin Artaud dan Jerzy Grotowski. Apakah perbezaan-perbezaan utama yang terdapat pada idea-idea kedua-dua tokoh teater tersebut? Anda diminta merujuk kepada produksi-produksi tertentu untuk menggambarkan perbincangan anda.
5. Apakah anda faham tentang istilah teater "absurd"? Berikan contoh-contoh skrip serta pementasan yang sesuai untuk menggambarkan perbincangan anda.
6. Ekspresionisme merupakan satu aliran kesenian yang menentang naturalisme dengan hebatnya. Bagi pendapat anda apakah perbezaan-perbezaan utama yang terdapat pada kedua-dua aliran teater tersebut, iaitu Naturalisme dan Ekspresionisme? Anda diperlu menggambarkan perbincangan anda dengan merujuk kepada tokoh-tokoh teori serta skrip-skrip drama yang sesuai.
7. Bincangkan sumbangan terhadap perkembangan drama dan teater yang dibuat oleh dua (2) orang daripada tokoh-tokoh berikut:
- (a) Adolph Appia
 - (b) Gordon Craig
 - (c) Emile Zola
 - (d) Richard Schechner
 - (e) Vsevold Meyerhold